

## PENILAIAN TERHADAP PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN GURU-GURU SEKOLAH RENDAH AGAMA JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

Mohd Faez Ilias, Zetty Nurzuliana Rashed  
Ahmad Shafiq Mat Razali, & Muhammad Syakir Sulaiman  
[faez@kuis.edu.my](mailto:faez@kuis.edu.my), [zetty@kuis.edu.my](mailto:zetty@kuis.edu.my), [ahmadshafiq@kuis.edu.my](mailto:ahmadshafiq@kuis.edu.my),  
& [syakir@kuis.edu.my](mailto:syakir@kuis.edu.my)  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

### ABSTRAK

Profesionalisme guru dikembangkan melalui proses latihan yang berterusan sama ada daripada guru itu sendiri ataupun persekitaran. Penentuan terhadap perkembangan profesionalisme ini bergantung kepada bentuk latihan yang diterapkan di institusi latihan guru ataupun sepanjang kerjaya. Penilaian terhadap latihan yang dilalui perlu diterapkan agar hasilnya dapat memberi impak yang positif sama ada terhadap guru mahupun pelajar. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti persepsi peserta terhadap objektif dan pengendalian program latihan guru, menganalisis modul-modul latihan, serta meneroka pelaksanaan latihan guru yang disediakan oleh Bahagian pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor dalam latihan keguruan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan secara kuantitatif dan kualitatif (*mix-method*) merujuk kepada Model Penilaian Kirkpatrick dalam pengumpulan data. Bagi pendekatan kuantitatif, satu set soal selidik sebelum dan selepas program latihan diagihkan kepada 60 orang peserta Kursus Intensif Bahasa Arab dan 50 orang peserta Kursus Kemahiran Jawi. Manakala pendekatan kualitatif adalah temu bual terhadap guru dan pentadbir yang terpilih bagi mewakili daerah Sepang dan Petaling Jaya. Dapatan kajian yang dijangkakan adalah persepsi peserta terhadap perjalanan program. Selain itu, kaedah yang digunakan dalam mengaplikasikan ilmu pengetahuan yang diperolehi melalui latihan yang diikuti daripada perspektif peserta dan pentadbir juga diperolehi. Secara umumnya, hasil kajian ini memberi manfaat kepada Jabatan Agama Islam (JAIS) dalam mempertingkatkan latihan-latihan yang disediakan untuk manfaat guru-guru. Pihak pentadbir juga secara tidak langsung dapat meningkatkan menerima impak positif apabila guru-guru mereka dapat mengaplikasikan terus ilmu pengetahuan yang diperolehi melalui program latihan yang dianjurkan oleh JAIS.

**Kata kunci:** Program Latihan guru, Profesionalisme Guru Agama, Sekolah Rendah Agama, Kursus Intensif Bahasa Arab, dan Kursus Kemahiran Jawi.

## **1.0 PENDAHULUAN**

Profesion guru merupakan profesion yang bersifat profesional dan menjadikannya profesion pilihan yang dihormati dewasa ini. Profesion ini tidak terus berkembang menjadi profesional jika tiada usaha daripada guru itu sendiri. Profesion keguruan merupakan suatu standard yang perlu dipatuhi oleh semua pendidik untuk menjadi seorang guru yang berkualiti. Seorang guru yang berkualiti dan profesional adalah penanda aras dalam menentukan tahap kecemerlangan dalam kerjaya. Sebagai memenuhi kehendak standard guru yang berkualiti, banyak pengisian yang boleh dimanfaatkan oleh guru khususnya untuk digunakan dalam kerjaya sebagai seorang pendidik. Pengisian pemantapan kualiti guru sesuai dilibatkan dengan menghadiri kursus atau bengkel berkala yang disediakan oleh pihak sekolah (Pati Anak Aleng, 2014).

Dalam meningkatkan kualiti profesionalisme guru, pelbagai cara dan kaedah yang digunakan oleh setiap majikan di sekolah. Program latihan secara umumnya membantu guru dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Dua aspek pengetahuan dan kemahiran ini adalah timbal balik daripada pelaburan yang telah diperuntukkan oleh organisasi kerajaan mahupun swasta dalam sektor pendidikan. Misalnya untuk pembangunan modal insan di Malaysia, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM10.36 bilion (Kementerian Kewangan Malaysia, 2010). Manakala Institusi Pendidikan Swasta juga tidak ketinggalan dalam menyediakan perkhidmatan yang melibatkan kebajikan pekerja. Oleh yang demikian, keprihatinan organisasi terhadap kebajikan guru di sekolah akan dapat meningkatkan mutu pekerjaan (Ibrahim, 2003).

Sebagai seorang guru muslim, kriteria guru profesional mesti dimiliki sebagai kayu ukur yang digunakan untuk proses penilaian. Pemilikan kriteria ini adalah berdasarkan kepada sumbangan yang telah diberikan oleh pihak berautoriti dalam membangunkan profesionalisme guru. Bagi guru Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), kerajaan telah memperuntukkan sejumlah wang dalam bajet negara setiap tahun (Baharom dan Mohd Johdi, 2009). Manakala selain guru KPM, pelbagai peranan telah diambil dalam membangunkan peribadi guru seiring dengan tuntutan profesionalisme. Sebagai contoh, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah memperuntukkan bajet untuk meningkatkan kualiti guru dengan penganjuran pelbagai kursus sama ada untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran (PdP)

mahupun pengurusan sekolah (Mohd Faez *et. al.*, 2017). Kursus secara percuma ini menggalakkan penyertaan dari pelbagai jenis sekolah dan latar belakang guru.

Penerimaan guru terhadap keperluan menghadiri latihan adalah bergantung kepada setiap individu. Walau bagaimanapun, keperluan menghadiri latihan tidak sesuai untuk diputuskan mengikut individu kerana dibimbangi terdapat guru yang tidak beranggapan bahawa program latihan itu penting. Malah, program latihan atau bengkel yang disertai guru mampu memberi kesan yang positif sehinggakan ada kalangan mereka yang hadir semata-mata untuk mendapatkan momentum dan semangat daripada peserta lain (Drake, 2002; Klassen, & Chiu, 2010).

Fokus utama kehadiran guru terhadap latihan yang disertai adalah cara pengaplikasiannya di tempat kerja. Setiap guru mestilah yakin bahawa ilmu yang mereka perolehi itu adalah sesuatu yang baru dan perlu disampaikan kepada rakan lain di sekolah. Bagi memastikan ilmu yang diperolehi itu sentiasa kekal, setiap guru mestilah konsisten dalam mengamalkan ilmu baru yang diperolehi sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) (Abd Ghafar & Asmawati, 2011). Pengaplikasian ilmu yang diperolehi guru sewaktu latihan yang dihadiri merupakan tahap yang sukar dilaksanakan. Ke kerapannya menghadiri latihan tidak menjamin seseorang itu mampu untuk menjadi pakar rujuk di setiap sekolah. Sebaliknya, menghadiri kursus merupakan satu cara yang efektif untuk meningkatkan kemahiran dan keyakinan guru dalam proses PdP (Sandra *et. al.*, 2013). Oleh yang demikian, setiap guru seharusnya dapat memastikan bahawa kursus latihan yang dihadiri adalah bersesuaian dan disokong oleh pentadbir sekolah (Azlah, *et. al.*, 2009).

Dari aspek keberkesanan latihan yang dihadiri, Knowles (1999) dan Kwakman (2003) menjelaskan bahawa pengalaman latihan memberi kesan kepada amalan pekerjaan mereka. Hal ini disokong oleh Goldstein & Ford (2002) dan Gupta & Bostrom (2006) bahawa latihan yang dihadiri sekurang-kurangnya mampu mengubah tingkah laku guru. Namun terdapat juga dari kalangan guru yang kerap menghadiri latihan tidak dapat menyumbang tenaga kepada pihak sekolah. Hal ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor penghalang guru yang dikenalpasti antaranya kurang peralatan (Prelip *et. al.*, 2006), kurang keyakinan diri (DeCorby, 2005; Morgan & Bourke, 2005; Brown, 2014; Abdul Ghafar *et al.*, 2015), kurang pengalaman dan perhatian (Gurney, 2007; Morgan & Hansen, 2008; Yazan & Muhamad Kamarul, 2011; Ciraso, 2012; Brown, 2014; Bhawani, 2015; Norhafizah *et al.*, 2016),

masalah pengurusan (Heaney, 2004; Lee, 2005; Dumler, 2010; Yariv, 2011; Shahid, 2015) serta kesibukan masa guru (DeCorby, 2005; Morgan & Bourke, 2005; Prelip *et. al.*, 2006).

Faktor-faktor penghalang tersebut menjadikan seorang guru tidak dapat memanfaatkan latihan yang dihadiri oleh mereka sepanjang kerjaya sebagai seorang guru. Jika terdapat guru yang mampu untuk mengelakkan diri daripada faktor tersebut, maka pelbagai sumbangan yang dapat mereka berikan kepada sekolah dan majikan. Oleh yang demikian, kajian penilaian terhadap latihan guru ini perlu dilakukan memandangkan latihan-latihan yang dianjurkan oleh JAIS menerima sambutan yang menggalakkan daripada guru-guru agama. Latihan-latihan ini juga dilakukan pada setiap tahun melihat kepada permintaan dan keperluan guru di setiap sekolah melalui laporan yang diterima oleh JAIS. Kajian ini juga penting kerana belum ada lagi penilaian yang dilakukan berkaitan dengan latihan yang melibatkan mata pelajaran kritikal untuk kegunaan guru setiap kali proses PdP.

## **2.0 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN**

Kajian penilaian terhadap latihan-latihan guru yang dianjurkan oleh pihak JAIS ini adalah bertujuan untuk:

- a) Mengenalpasti persepsi peserta terhadap objektif program latihan guru
- b) Mengenalpasti persepsi peserta terhadap pengendalian program latihan guru
- c) Menganalisis modul-modul latihan yang disediakan oleh BPI JAIS untuk latihan guru.
- d) Meneroka pelaksanaan latihan guru yang disediakan oleh BPI JAIS dalam latihan keguruan.

Manakala persoalan kajian yang terhasil daripada objektif tersebut adalah:

- a) Bagaimanakah persepsi peserta terhadap objektif program latihan guru?
- b) Bagaimanakah persepsi peserta terhadap pengendalian program latihan guru?
- c) Apakah modul-modul latihan yang disediakan oleh BPI JAIS untuk latihan guru?
- d) Bagaimanakah pelaksanaan latihan guru yang disediakan oleh BPI JAIS dalam latihan keguruan?

### 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Bagi menjawab persoalan kajian yang telah disenaraikan pada bahagian objektif dan persoalan kajian, metodologi kajian telah ditetapkan agar perjalanan pengumpulan data dapat dilaksanakan dengan baik. Kajian yang dijalankan ini adalah menggunakan kaedah penyelidikan secara campuran kuantitatif dan kualitatif (*mix method*). Fasa pertama pengumpulan data adalah melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada peserta yang menghadiri program latihan yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Manakala fasa kedua adalah melalui temu bual peserta dan pentadbir sekolah terpilih yang mewakili daerah Sepang dan Petaling Jaya.

Fasa pertama pengumpulan data menggunakan soal selidik kepada peserta yang perlu dijawab pada sebelum dan selepas latihan yang dihadiri. Borang soal selidik sebelum program mengandungi Bahagian A (Demografi peserta program latihan) dan Bahagian B (Pengalaman pembelajaran peserta terhadap program latihan yang akan dihadiri). Manakala borang soal selidik selepas program mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A (Demografi peserta program latihan), Bahagian B (Kepuasan peserta terhadap program latihan yang dihadiri), dan Bahagian C (Pengalaman pembelajaran peserta terhadap program latihan yang telah dihadiri). Fasa ini dijalankan terhadap peserta yang hadir program latihan anjuran JAIS iaitu Kursus Intensif Bahasa Arab Guru SRA 1/1 dan Kursus Kaedah Penulisan Jawi 1/1.

Fasa kedua pengumpulan data melalui temu bual kepada peserta dan pentadbir sekolah. Dua set soalan temu bual disediakan untuk tujuan temu bual kepada peserta yang merangkumi empat konstruk utama iaitu tingkah laku, penguasaan kemahiran, pengetahuan kemahiran, dan matlamat. Manakala soalan temu bual untuk pentadbir mengandungi konstruk ilmu, kemahiran, komitmen, motivasi, serta sokongan dan galakan sebagai konstruk utama. Pemilihan peserta kajian bagi fasa ini adalah secara rawak berdasarkan pemilihan bagi mewakili dua daerah yang dibataskan dalam kajian ini.

Faktor pemilihan Kursus Intensif Bahasa Arab Guru SRA 1/1 dan Kursus Kaedah Penulisan Jawi 1/1 kerana kajian ini hanya dibataskan kepada bidang Bahasa Arab dan Kemahiran Jawi untuk guru-guru Sekolah Rendah Agama (SRA) kelalooan JAIS. Kursus yang ditawarkan oleh JAIS pada tahun 2017 adalah sebanyak 44 jenis program di bawah tanggungan dua pusat latihan iaitu Pusat Latihan Pengurusan Pendidikan Islam (PLPPI) dan Pusat Latihan Pengurusan Teknologi Maklumat (PLPTM). Daripada keseluruhan 44 program

yang dianjurkan, hanya dua sahaja kursus yang dipilih melibatkan kajian ini. Kursus tersebut mestilah merupakan kursus Bahasa Arab dan Kemahiran Jawi yang akan digunakan oleh peserta ketika berkhidmat di sekolah. Manakala pemilihan peserta temu bual adalah berdasarkan kepada lokasi dan sekolah yang mudah diakses oleh pengkaji. Sekolah yang terpilih mewakili daerah Sepang dan Petaling Jaya seperti yang dibataskan oleh pengkaji.

#### **4.0 KEMAJUAN KAJIAN**


Kajian yang dijalankan ini telah mencapai tahap yang memuaskan dari aspek gerak kerja penulisan Bab 1, 2, dan 3. Berikut merupakan gambaran kemajuan kajian ini seperti yang diringkaskan pada Jadual 1.

Jadual 1: Proses Kemajuan Penyelidikan

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Catatan</b>
1.	Penulisan Bab 1, 2, 3	80% selesai dan masih lagi perlu dimurnikan sesuai dengan data yang telah diperolehi.
2.	Pembinaan instrumen soal selidik	100% selesai dan telah diedarkan soalan kepada responden pada tarikh-tarikh seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Program 1: 19-20 April 2017</li> <li>- Program 2: 25-27 April 2017</li> </ul> Data kuantitatif masih dalam proses analisis.
3.	Pembinaan instrument temu bual	100% selesai dan telah disahkan oleh pakar 9 Ogos Permohonan penyelidikan di sekolah-sekolah terpilih telah dilakukan pada 1 Ogos 2017. Sedang membuat temu janji untuk melakukan temu bual peserta kajian yang terlibat di sekolah-sekolah terpilih mewakili daerah Sepang dan Pateling Jaya.
4.	Analisis Data	80% selesai analisis dapatan Fasa 1 Dapatan kualitatif sedang dikumpulkan kerana terdapat beberapa kekangan.
5.	Penulisan	Sedang merangka penulisan akhir bab 4 dan 5 merujuk kepada dapatan fasa 1 sementara menunggu dapatan fasa 2.

## 5.0 MASALAH YANG DIHADAPI

Sepanjang proses kajian ini dijalankan, terdapat beberapa kekangan yang pengkaji hadapi khususnya sewaktu fasa pengumpulan data. Proses pengumpulan data yang dilakukan melalui dua fasa iaitu Fasa 1 (Soal selidik) dan Fasa 2 (Temu bual). Kajian ini berlangsung selama setahun bermula pada November 2016 sehingga Oktober 2017. Kajian ini adalah melibatkan penilaian terhadap program latihan yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) khusus untuk peningkatan profesionalisme guru-guru agama. Pada setiap tahun, JAIS akan merangka pelbagai program yang diperlukan oleh guru-guru agama. Keseluruhan program yang dirancang adalah bermula pada awal tahun sehingga akhir tahun. Namun, kelulusan kajian ini pada November 2016 pada fasa kebanyakan program yang dianjurkan oleh JAIS hampir selesai dilaksanakan. Ditambah pula kajian ini hanya fokus kepada program Bahasa Arab dan Kemahiran Jawi untuk pengajaran dan pembelajaran (PdP) sahaja.



Rajah 1: Masalah Yang Dihadapi Sepanjang Perjalanan Penyelidikan

Setelah perbincangan dengan pegawai JAIS yang mengendalikan program, beliau menyarankan agar kajian ini dijalankan apabila bermula program untuk tahun 2017. Bermula pada November 2016 sehingga awal Januari 2017, kajian hanya berfokus kepada penghasilan Bab 1, 2, dan 3 sahaja. Pada awal Januari 2017, takwim latihan daripada JAIS telah

dimaklumkan melalui *website* Unit Latihan JAIS. Setelah meneliti takwim tersebut, didapati program yang difokuskan berlangsung pada 19-20 April 2017 dan 25-27 April 2017. Sepanjang awal Januari sehingga awal April 2017, kajian berfokus kepada pembinaan instrument soal selidik bagi Fasa 1 dan temu bual bagi Fasa 2.

Setelah selesai Fasa 1 pada 27 April 2017, kajian perlu menunggu sehingga tiga bulan sebelum memulakan Fasa 2. Hal ini adalah merujuk kepada teori asas kajian ini iaitu Teori Penilaian Kirkpatrick yang menyatakan bahawa temu bual perlu dilakukan sekurang-kurangnya selepas tiga bulan daripada latihan yang disertai oleh guru. Maka, bermula pada awal Ogos 2017 lagi proses pengumpulan data pada Fasa 2 dimulakan. Masalah-masalah yang dihadapi ini tidak dapat dielakkan kerana program-program yang berkaitan dengan kajian ini melibatkan komitmen daripada guru-guru sekolah yang mewakili setiap daerah di negeri Selangor. Masalah yang dihadapi dalam kajian ini dapat diringkaskan melalui Rajah 1.



## RUJUKAN

- Abd Ghafar Mahmud. (2011). Pendidikan Islam: Harapan dan Masa Depan. Paper presented at the Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan 2011. Anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia. Dynasti Hotel, 4-7 Disember 2011.
- Asmawati Suhid. (2011). Program j-Qaf: Cabaran Kini, Harapan dan Masa Depan. Paper presented at the Kertas kerja Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan 2011. Anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia. Dynasti Hotel, 4-7 Disember 2011.
- Azlah Md Ali, Thuaibah, Rozeyta Omar, Noor Ella Mohamad Zip, Nor Suziani Ismail, dan Thahiroh Zulkifli (2008). Keberkesanan Latihan Di Kalangan Kakitangan Kumpulan Sokongan Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Darul Aman. Dalam Aminah Ahmad Khalid (2008). Amalan Latihan Dan Pembangunan Sumber Manusia Di Malaysia. Skudai: Penerbit UTM Press.
- Baharom Mohamad dan Mohamad Johdi Salleh (2009). Pembangunan Modal Insan Sebagai Satu Pelaburan Penting Dalam Konteks Pembinaan Negara. Dalam *Prosiding Seminar Pembangunan Modal Insan 2009*, pada 23 – 24 Mac 2009, di Pusat Sumber Pendidikan Negeri, Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan.
- Ciraso, Anna (2012). An Evaluation of the Effectiveness of Teacher Training: Some Results from a Study on the Transfer Factors of Teacher Training in Barcelona Area. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. Volume 46, 2012, Pages 1776-1780.
- DeCorby, K., Halas, J., Dixon, S., Wintrup, L. & Janzen, H. (2005). Classroom teachers and the challenges of delivering quality physical education. *The Journal of Educational Research*. Vol. 98(4), 208-220.
- Drake, C. (2002). Experience Counts: Career Stage And Teachers' Responses To Mathematics Education Reform. *Educational Policy*, 16, 311-337.
- Dumler, Carolyn Marie (2010). Principal Behaviors That Support First-Year Teacher Retention. Doctor Of Education. Department Of Educational Policy Studies And Practice, The University Of Arizona.
- Goldstein, I.L., and J.K. Ford. (2002). Training in Organizations: Need Assessment, Development, and Evaluation, (fourth ed.). Wadsworth.
- Gupta, S., and R.P. Bostrom. (2006). End-User Training Methods: What We Know, Need to Know, ACM.
- Gurney, Philip (2007). Five Factors for Effective Teaching. *New Zealand Journal of Teachers' Work*. Volume 4, Issue 2, 89-98.
- Ibrahim Mamat (2006). Reka bentuk dan Pengurusan Latihan, Konsep dan Amalan. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Kewangan, Malaysia (2011). Laporan Ekonomi 2010/2011. <http://www.treasury.gov.my/bajet2011/data/le/bab4.pdf>.

- Kementerian Kewangan, Malaysia (2012). Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2012. [http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/maklumat\\_bajet\\_kerajaan/2012/ap1.pdf](http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/maklumat_bajet_kerajaan/2012/ap1.pdf).
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2007). *Mesyuarat Professional KPM Bil. 7/2007*. 21 November 2007.
- Klassen, R. M., & Chiu, M. M. (2010). Effects On Teachers' Self-Efficacy And Job Satisfaction: Teacher Gender, Years Of Experience, And Job Stress. *Journal of Educational Psychology*, 102(3), 741.
- Knowles, M. (1990). *The Adult Learner: The Neglected Species* (4th ed.). Houston, TX: Gulf.
- Kwakman, K. (2003). Factors Affecting Teachers' Participation in Professional Learning Activities. *Teaching and Teacher Education*, 19(2), 149-170. doi: 10.1016/s0742-051x(02)00101-4
- Morgan, P. J. & Bourke, S. F. (2005). An Investigation of Preservice and Primary School Teachers' Perspectives of PE Teaching Confidence and PE Teacher Education. *ACHPER Healthy Lifestyles Journal*. Vol. 52(1), 7-13.
- Morgan, Philip J. and Hansen, Vibeke (2008). The Relationship Between PE Biographies and PE Teaching Practices of Classroom Teachers. *Sport, Education and Society*. Vol.13, No.4, November 2008. pp. 373-391.
- Norhafizah Abd Rani, Wan Idros Wan Sulaiman & Maizatul Haizan Mahbob (2016). Pengaruh Budaya Organisasi Terhadap Latihan Dan Pembangunan Dalam Kalangan Kakitangan Kumpulan Sokongan Di UPM. Vol. 11, No. 2 (2016) 142-173, ISSN: 1823-884x.
- Othman Md. Johan dan Lukman Dinyati (2011). *Persepsi Guru-Guru Pendidikan Islam Terhadap Penggunaan ICT Untuk Tujuan Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah Kebangsaan di Daerah Kluang*. UNSPECIFIED . pp. 1-8. (Unpublished).
- Pati Anak Aleng (2014). *Transformasi Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan*. Selangor: PTS Akademia.
- Shahid Hussain Mugha (2015). Analysis Of Head Teachers' Professional Role In Relation To Quality Improvement Initiatives At Primary Level. *The Sindh University Journal of Education*. Vol.44 No. 1, 2015. Pp.153 – 172.
- Yariv, Eliezer (2011). Deterioration in Teachers' Performance: Causes and Some Remedies. *World Journal of Education*. Vol .1, No.1; April 2011.
- Yazan Abdel Aziz Semreen AL-Wreikat dan Muhamad Kamarul Kabilan Abdullah (2011). Effectiveness of Teaching Approaches of In-service Training Courses for EFL Teachers in Jordanian Schools. *English Language Teaching*. Vol. 4, No. 1; March 2011.